

Dua mangsa dikhuatiri lemas

Banjir kilat terburuk di Kuching menyebabkan 300 keluarga terpaksa pindah

Oleh Misiah Taib
dan M Hifzuddin Ikhsan
bhnews@bharian.com.my

● MOHD RADZI BUJANG | BERITA HARIAN

KUCHING: Banjir kilat terburuk yang melanda bandar raya ini semalam menyebabkan dua mangsa dikhuatiri lemas, 1,409 penduduk daripada 300 keluarga dipindahkan dan empat sekolah rendah serta satu sekolah menengah ditutup.

Mangsa yang hilang selepas tergelincir dalam longkang ketika kejadian jam 7.30 pagi adalah pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Lintang, Kho Ying Qi, 19 serta pekerja Stesen Minyak Shell Jalan Rock, Herman Sihas, 29, dan belum ditemui sehingga jam 7 malam tadi.

Timbalan Pesuruhjaya Polis Sarawak, Datuk Law Hong Soon, berkata Ying Qi tergelincir dalam longkang ketika ke sekolah, manakala Herman yang terjun untuk menyelamatkannya turut dihayutkan arus longkang yang deras.

“Kita masih meneruskan gerakan mencari dan menyelamat dengan kerjasama Unit Penyelam Bomba dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM),” katanya pada sidang media di Bilik Gerakan Negeri, Wisma Bapa Malaysia, petang semalam.

Sementara itu, Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Fatimah Abdullah, memberitahu *Berita Harian*, lima sekolah terpaksa ditutup, iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Combined, SK Batu Lintang dan SMK Batu Lintang di Kuching serta SK St Dunstan



PENYELAM bomba dan penyelamat mencari mangsa yang hilang di Batu Lintang, Kuching, semalam.

dan SK Batu Kitang di Daerah Padawan.

“Kita belum pasti sama ada lima sekolah itu dibuka esok (hari ini) kerana bergantung kepada keadaan cuaca,” katanya dan menambah antara sekolah terbabit tidak dimasuki air tetapi jalan menuju ke sekolah dinaiki air sehingga hampir satu meter.

Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Alfred Jabu Numpang yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Sarawak, berkata banjir kilat itu di luar jangkaan akibat hujan lebat dengan taburan 150 milimeter di-

catkan antara jam 5 pagi hingga 8 pagi.

Katanya, ia menyebabkan kesesakan teruk lebih tiga jam di semua jalan utama sekitar bandar raya dengan jalan paling teruk terjejas adalah Jalan Laksmana Cheng Ho, Jalan Badaruddin, Jalan Batu Kawa, Jalan Stapok, Jalan Matang, Jalan Desa Wira dan Jalan Sultan Tengah yang dinaiki air antara 0.3 hingga 0.6 meter.

Beliau berkata, daripada 1,409 penduduk yang dipindahkan, 760 daripada 189 keluarga adalah dari penempatan sekitar Jalan Stephen Yong; 418 daripada 74 keluarga dari

Kampung Sinar Budi; 220 orang daripada 36 keluarga di Taman Desa Wira dan 11 orang daripada satu keluarga di Kampung Sandong.

“Banyak kawasan sekitar Kuching dilanda banjir kilat mengakibatkan perjalanan pelajar ke sekolah dan kakitangan kerajaan serta swasta ke tempat kerja terjejas,” katanya.

Beliau berkata, Jabatan Meteorologi meramalkan angin kencang dan laut bergelora berterusan sehingga 10 Januari dengan hujan sederhana di Bahagian Kuching dan kawasan pesisir pantai sehingga ke Bahagian Mukah.